

ANALISIS PASCA PILIHAN RAYA UMUM 2013 :

**PANDANGAN
GENERASI
MUDA**



© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2014

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkalan Dalam Penerbitan

ISBN 978-983-44161-7-1

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : +603 – 8871 3705 Faks : +603 – 8871 3342
Emel : info@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

KANDUNGAN

PENGENALAN

5

OBJEKTIF KAJIAN

5

DEFINISI OPERASI

5

KAEDAH PELAKSANAAN KAJIAN

6

- ◆ Instrumen
- ◆ Pensampelan
- ◆ Jangka Masa Kajian

6

6

6

PROFIL RESPONDEN

6

HASIL KAJIAN

11

- ◆ Kepuasan Terhadap Proses Pengundian PRU13
- ◆ Ketelusan Pengendalian Pengundian
- ◆ Media Pilihan Sewaktu PRU13
- ◆ Kepercayaan Terhadap Media Baru dan Konvensional
- ◆ Faktor Mempengaruhi Undian
- ◆ Penerimaan Terhadap Calon Peringkat Parlimen
- ◆ Faktor Penerimaan Calon Peringkat Parlimen

11

15

29

30

31

32

33

- Faktor Penerimaan Calon Mengikut Parti di Peringkat Parlimen
- Penerimaan terhadap Calon di Peringkat DUN
- Faktor Penerimaan Calon Peringkat DUN
- Faktor Penerimaan Calon Peringkat DUN Mengikut Parti
- Persepsi Penggunaan Peruntukan Kerajaan dalam Memenangi PRU13
- Kualiti Hidup Semasa
- Penilaian terhadap Dasar Kerajaan

(34)

(37)

(38)

(39)

(41)

(42)

(44)

RUMUSAN KAJIAN

47

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

50

SYOR KAJIAN

51



PENGENALAN

Pilihan Raya Umum kali Ke-13 (PRU13) telah berlalu sebagai memenuhi tuntutan Perlembagaan Negara. Tarikh 5 Mei 2013 menjadi lipatan sejarah Malaysia apabila mengulangi sistem kerajaan berparlimen dengan memberikan peluang kepada rakyat yang layak untuk memilih kerajaan dan pemimpin mereka sendiri melalui pilihan raya umum.

Pada PRU13, sejumlah 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (tidak termasuk Negeri Sarawak) menjadi rebutan parti-parti politik yang bertanding. Keputusan PRU13 bagi tahun 2013 menyaksikan Parti Barisan Nasional (BN) telah menang secara majoriti 133 kerusi daripada keseluruhan kerusi yang dipertandingkan di peringkat parlimen berbanding 140 kerusi pada PRU 2008, manakala Parti Keadilan Rakyat memenangi 30 kerusi berbanding 31 kerusi pada PRU 2008, Parti Islam SeMalaysia (PAS) memenangi 21 kerusi berbanding 23 kerusi pada PRU 2008, DAP memenangi 38 kerusi berbanding 28 kerusi pada PRU 2008 (www.spr.gov.my). Pada PRU13 daftar pemilih bagi suku ke -4 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya berjumlah 13,291,385 orang yang digazetkan pada 22 Februari 2013. Jumlah pengundi tersebut telah digunakan untuk pengundian pada 5 Mei 2014 (SPR, 2013).

Sehubungan itu, kajian ini ingin mengupas pandangan generasi belia yang terlibat dalam pilihan raya sebagai pemilih daripada aspek pandangan mereka mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan generasi muda dalam membuat keputusan semasa mengundi serta sejauh mana persepsi mereka terhadap proses pilihan raya yang berlangsung pada 5 Mei 2013.

OBJKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya kajian ini diadakan untuk mengenal pasti reaksi dan persepsi golongan belia terhadap keputusan PRU13. Secara lebih terperinci objektif kajian ini adalah seperti mana berikut:-

- a. Meninjau persepsi generasi belia terhadap isu-isu yang dibangkitkan sewaktu PRU13.
- b. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi generasi muda terhadap pola pengundian mereka dalam PRU13.
- c. Meninjau reaksi golongan belia khasnya tentang keputusan PRU yang telah diadakan pada 5 Mei 2013.

DEFINISI OPERASI

Jujur merujuk kepada Kamus Dewan Edisi 4 membawa maksud lurus hati, tulus dan ikhlas. Dalam konteks kajian ini, jujur adalah merujuk kepada sifat peribadi pemimpin politik tanah air yang termasuk dalam kajian ini dilihat sebagai tulus dan ikhlas dalam memberikan khidmat kepada masyarakat setempat.

Dalam konteks kajian ini, perkataan dipercayai adalah merujuk kepada pemimpin politik yang diyakini dan diterima sebagai benar

Suka menurut kamus Dewan Edisi 4 bermaksud, sesuatu/seseorang yang disukai dan disenangi. Dalam konteks kajian ini, disukai adalah merujuk kepada sifat peribadi yang dimiliki oleh pemimpin parti yang disenaraikan dalam kajian ini yang dikenali sebagai disenangi untuk menjadi pemimpin mereka.

Bangsa Malaysia disenaraikan sebagai salah satu kategori bangsa untuk dipilih oleh responden yang bukan dalam kategori bangsa Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak. Bangsa Malaysia bermaksud warganegara Malaysia yang tidak mengategorikan diri mereka dalam mana-mana kategori kaum.

KAEDAH PELAKSANAAN KAJIAN

Instrumen Kajian

Satu set borang soal selidik dibina bagi menjawab beberapa objektif kajian. Bahagian A mengandungi maklumat berhubung profil latar belakang responden termasuk negeri, parlimen, DUN, jantina, kategori umur, kaum, pendidikan tertinggi dan pendapatan isi rumah.

Bahagian B merangkumi persepsi generasi belia terhadap isu-isu yang dibangkitkan sewaktu PRU13. Bahagian ini turut memuatkan pola pengundian responden belia, kepuashatian dalam keputusan PRU13, saluran mendapatkan maklumat yang mempengaruhi pola pengundian serta faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian responden belia.

Bahagian C mengandungi persepsi belia terhadap kepimpinan calon-calon parti bagi setiap parti yang bertanding serta komen berhubung keputusan PRU13 pada pandangan generasi belia.

Seterusnya pada Bahagian D mengandungi soalan yang merujuk kepada persepsi generasi belia berkaitan dengan kedudukan ekonomi pada masa kini daripada segi keyakinan terhadap program pembangunan rakyat secara menyeluruh dan khususnya sasaran kepada golongan belia.

Manakala pada Bahagian E mengandungi soalan merujuk kepada inisiatif yang diperkenalkan kepada rakyat Malaysia sama ada telah dilaksanakan ataupun masih di peringkat perancangan dan sebagainya. Ini termasuk pandangan calon pemimpin muda yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Pensampelan

Kajian ini dijalankan secara atas talian (*online*) dalam kalangan belia yang berusia 21 tahun sehingga 40 tahun dengan menggunakan data pangkalan E-Belia yang digabungkan dengan data Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Bagi menggalakkan penyertaan belia dalam memberikan maklum balas tentang isu ini, responden kajian boleh menjemput rakan sebaya (*peer group*) bagi bersama-sama menyertai kajian ini. Gabungan data ini bertujuan bagi memastikan responden dipilih mewakili pensampelan secara menyeluruh yang mewakili seluruh negeri.

Jangka Masa Kajian

Kajian ini dilaksanakan pada bulan Julai – Oktober 2014 bermula daripada tarikh instrumen dibina secara *online* sehingga tarikh tutup kajian secara *online*.

PROFIL RESPONDEN

Profil kajian dianalisis berdasarkan kategori berikut seperti Negeri, Kategori Umur, Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan dan Pendapatan Isi rumah. Terdapat beberapa analisa yang lebih mendalam dilakukan dengan menggunakan profil yang terpilih sahaja berdasarkan keperluan pelaporan hasil kajian.

Jumlah keseluruhan responden kajian ini adalah seramai 2860 orang belia. Walau bagaimanapun analisis data kajian akan memfokuskan kepada sejumlah 2532 orang responden sahaja iaitu dalam kalangan responden yang mengundi dalam PRU13. Sementara itu sejumlah 328 orang responden tidak menggunakan hak mereka sebagai warganegara untuk mengundi dalam PRU13 dan tidak akan diambil kira dalam analisis yang lebih mendalam dalam kajian ini.


Profil pensampelan mengikut negeri menunjukkan lima (5) buah negeri yang diwakili oleh pensampelan responden yang melebihi 10 peratus dan ke atas iaitu bagi negeri Kelantan (14.2 peratus atau seramai 359 orang responden) diikuti dengan Negeri Perak (12.4 peratus atau seramai 314 orang responden dan Negeri Selangor (11.4 peratus atau seramai 289 orang responden). Sementara itu Negeri Johor dan Negeri Kedah masing-masing 10.3 peratus atau 262

orang dan 10.1 peratus atau 256 orang. Manakala terdapat 11 buah negeri yang mendapat penyertaan responden di bawah 10 peratus seperti Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan lain-lain lagi.

Responden Kajian Mengikut Negeri




Kajian mendapati bahawa majoriti responden adalah dalam kalangan belia yang berumur di antara 21 tahun hingga 25 tahun iaitu sebanyak 52.8 peratus atau seramai 1337 orang. Kategori usia belia ini merupakan pengundi belia pada julung kali atau kali kedua pernah mengundi dalam pilihan raya umum.




Kajian ini juga mengambil kira agihan jantina. Sebanyak 56.9 peratus responden lelaki dan 43.1 peratus responden perempuan telah ditemubual.

Responden Kajian Mengikut Kategori Jantina




Walaupun majoriti responden adalah dalam kalangan bangsa Melayu iaitu 70.8 peratus, namun kajian ini menunjukkan terdapat peratusan yang tinggi terhadap bangsa Malaysia di mana 19.5 peratus menyatakan mereka daripada bangsa Malaysia. IYRES pertama kali menggunakan subjek bangsa Malaysia menerusi kajian ini sebagai salah satu bentuk bangsa di dalam menerangkan tentang profil responden. Penyertaan bangsa-bangsa lain didapati di bawah 5 peratus di mana Bumiputera Sabah 3.1 peratus, bangsa Cina 2.3 peratus, bangsa India 2.4 peratus dan Bumiputera Sarawak 1.4 peratus. Manakala Lain-lain bangsa yang melibatkan penyertaan bangsa orang asli, Siam dan Sikh adalah berjumlah 0.5 peratus.

Responden Kajian Mengikut Bangsa



Seterusnya daripada segi tahap pendidikan, dalam 59.4 peratus atau seramai 1504 orang adalah mempunyai taraf pendidikan peringkat Ijazah dan ke atas jika dibandingkan dengan tahap-tahap pendidikan yang lain.

Bilangan Responden Kajian Mengikut Kategori Tahap Pendidikan



Kajian mendapati bahawa majoriti atau 42.5 peratus isi rumah berpendapatan RM1500 dan ke bawah. Manakala sejumlah 38.5 peratus atau seramai 676 orang adalah berpendapatan RM1500 hingga RM3000 dalam tempoh sebulan.

Bilangan Responden Kajian Mengikut Pendapatan Isi Rumah



HASIL KAJIAN


Keputusan PRU13 telah diketahui umum, sama ada berpuas hati atau tidak berpuas hati dalam kalangan penyokong setiap parti adalah sukar untuk dimanifestasikan. Janji-janji manifesto dilihat ada yang ditunaikan dan ada juga yang masih belum menunaikan janji-janji pilihan raya walaupun pilihan raya telah beberapa bulan berlalu. Malah terdapat manifesto yang merupakan janji-janji pilihan raya dirasionalkan dengan kedudukan semasa penstrukturran ekonomi, sosial dan dasar-dasar baru diperkenalkan kepada rakyat.

Sebelum PRU13 diadakan, terdapat pelbagai isu yang menjadi perhatian pelbagai pihak yang melibatkan isu ketelusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), penggunaan dakwat kekal sebagai tanda pembuktian pengundian dan pelbagai isu yang tercetus setiap kali pilihan raya diadakan.

Sehubungan itu, hasil dapatan kajian dianalisis dengan lebih mendalam menggunakan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang bersesuaian daripada segi kaitan dengan profil responden mahupun dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat dalam Bahagian-bahagian dalam borang soal selidik kajian ini. Analisa diperincikan sebagaimana di bawah.


Kepuasan terhadap Proses Pengundian PRU13

Kajian ini menunjukkan bahawa secara purata 81.7 peratus atau seramai 2068 orang daripada 2532 orang jumlah keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan proses pengundian sewaktu PRU13 diadakan. Peratusan yang tinggi ini membuktikan bahawa generasi muda berpendapat bahawa PRU13 merupakan pilihan raya yang telus dan transparensi tinggi jika dilihat sewaktu proses pilihan raya sedang berlangsung. Walaupun begitu, masih terdapat 18.6 peratus generasi muda yang tidak berpuas hati dengan proses pengendalian PRU13. Hal ini berlaku akibat daripada terdapat laporan bekalan elektrik terputus di beberapa buah lokasi pengiraan undi iaitu semasa proses pengiraan undi berlaku.




Setelah kepuasan terhadap proses PRU13 dianalisis mengikut negeri mendapati bahawa di Putrajaya menunjukkan tahap kepuasan paling rendah iaitu mencatat 62.5 peratus jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Begitu juga dengan Pulau Pinang dan Kedah masing-masing mencatat di bawah 80 peratus iaitu masing-masing 76.7 peratus dan 78.9 peratus. Sementara itu di Labuan mencapai 100 peratus berpuas hati dengan proses PRU13.


Peratus Kepuasan Terhadap Proses Undian Mengikut Negeri



Perbandingan berdasarkan bangsa pula, menunjukkan bahawa sebanyak 69% bangsa Cina dan 61.5% lain-lain bangsa tidak berpuas hati dengan proses PRU13. Manakala bagi bangsa Malaysia, bangsa Melayu, bangsa India, Bumiputera Sabah dan Sarawak menunjukkan peratusan berpuas hati dengan proses PRU13 apabila mencatat 80 peratus dan ke atas.



Daripada segi tahap pendidikan, semua tahap pendidikan menyatakan mereka berpuas hati dengan proses PRU13 dilaksanakan apabila secara purata mencatat peratusan melebihi 80 peratus.




Persepsi Bangsa Cina Terhadap Proses PRU13 Mengikut Tahap Pendidikan

Memandangkan dapatan kajian menunjukkan bangsa Cina tidak berpuas hati dengan proses PRU 13, maka analisis lebih mendalam dilakukan khas ke atas bangsa Cina daripada segi tahap pendidikan.

Hasil analisis mendapati bahawa tahap pendidikan belia bangsa Cina pada peringkat STPM/Diploma serta Ijazah dan ke atas menunjukkan bahawa tahap kepuasan hati mereka terhadap PRU13 adalah 73.3 peratus bagi tahap pendidikan STPM/Diploma. Manakala bagi yang berpendidikan pada tahap Ijazah dan ke atas adalah 62.2 peratus. Sementara itu bagi yang berpendidikan pada tahap PMR ke bawah dan SPM menunjukkan 100 peratus berpuas hati dengan proses PRU13. Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang tinggi mempengaruhi persepsi belia bangsa Cina terhadap proses pengundian sewaktu PRU13.

Peratus Kepuasan Belia Cina Terhadap Proses PRU13 Mengikut Tahap Pendidikan




Ketelusan Pengendalian Pengundian

Pelbagai isu hangat dibincangkan di pelbagai saluran media berkaitan dengan pengendalian di tempat membuang undi. Isu-isu ini berupaya mempengaruhi pengundi sebelum membuang undi apabila tidak ditangani dengan sebaiknya.

Kajian telah menggariskan beberapa isu yang dilihat sentiasa menjadi isu perbualan setiap kali pilihan raya diadakan sama ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Hasil kajian mendapati bahawa isu penggunaan dakwat kekal tetapi tidak kekal lama setelah membuang undi yang mana dakwat yang dicalit di jari pengundi tidak kekal lama dan memberikan peluang untuk mengundi lebih dari sekali berkemungkinan tinggi berlaku dalam PRU13. Ini dibuktikan dengan 59.2 peratus daripada keseluruhan responden kajian menyatakan bahawa setelah mereka mengundi dakwat yang dicalit di jari mereka tidak kekal lama iaitu mudah hilang kesannya.

Isu-isu seperti mengundi dua kali (91.3 peratus), pembawa kad dan pemegang kad pengenalan adalah berbeza (92.3 peratus), tidak dicalitkan dakwat ketika mengundi (94.5 peratus) dan bukan warga negara datang mengundi (86.5 peratus) diakui tidak berlaku sewaktu PRU13. Walau bagaimanapun, isu-isu tersebut tidak mendapat peratusan 100 peratus yang memberikan gambaran bahawa unsur-unsur penipuan berkemungkinan besar boleh berlaku. Sebagai pemerhati sewaktu pilihan raya sedang berlangsung di kawasan peti undi masing-masing menjadi sebahagian daripada asas bagi mereka memberikan pandangan masing-masing.

Peratus tanggapan kewujudan Unsur Penipuan di Tempat Mengundi




Dapatan dianalisis berdasarkan negeri memandangkan terdapat negeri-negeri yang diterajui oleh pucuk pimpinan yang menguasai pentadbiran negara. Seperti yang sedia diketahui umum bahawa selepas PRU13, tiga buah negeri adalah di bawah penguasaan Pakatan Rakyat iaitu PAS, DAP dan Parti Keadilan Rakyat yang menguasai Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Manakala negeri-negeri lain dikuasai oleh kerajaan yang mendapat mandat suara majoriti iaitu di bawah penguasaan Parti Barisan Nasional. Hasil kajian menunjukkan isu dakwat tidak kekal lama didakwa berlaku di setiap negeri tanpa merujuk kepada sama ada negeri tersebut dikuasai pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan majoriti. Secara purata setiap negeri mencatat peratusan melebihi 50 peratus berlakunya dakwat tidak kekal lama. Hanya Negeri Melaka sahaja peratusan kurang daripada 50 peratus iaitu mencatat 48.5 peratus. Malahan di Wilayah Persekutuan Labuan pula, 100 peratus responden kajian menyatakan bahawa isu dakwat tidak kekal lama berlaku di tempat mereka mengundi.

Bagi isu-isu lain seperti mengundi dua kali, pembawa dan pemegang kad pengenalan berbeza dan bukan warganegara datang mengundi turut didakwa berlaku di kawasan mengundi mereka namun dalam peratusan yang rendah sahaja iaitu secara purata kurang daripada 20 peratus.



Kajian turut mendapati bahawa tiga buah Wilayah Persekutuan (WP) iaitu Putrajaya, Labuan dan Kuala Lumpur mencatat peratusan agak ketara bagi isu-isu yang hangat dibicarakan iaitu sebanyak (50 peratus) responden bagi WP Putrajaya dan Labuan, menyatakan isu mengundi dua kali. Isu tidak dicalit dakwat di WP Labuan (50 peratus) responden menyatakan isu ini. WP Putrajaya (37.5 peratus) dan WPKL (10 peratus) dan isu bukan warganegara datang mengundi mencatat 50 peratus bagi WP Labuan dan WP Putrajaya manakala WPKL mencatat 20 peratus.


Peratus tanggapan Wujud Unsur-unsur Penipuan di Kawasan Mengundi mengikut Negeri



Mengundi Dua Kali


Berlaku (%) Tidak Berlaku (%)





Tidak Dicalit Dakwat

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)






Bukan Warganegara Datang Mengundi



■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)

Dapatan kajian dianalisis bagi mengetahui tentang sama ada faktor umur mempengaruhi pandangan responden berhubung dengan wujudnya unsur-unsur penipuan berlaku di tempat mengundi mereka. Hasil kajian mendapati bahawa pengundi yang berusia 21 tahun hingga 30 tahun dilihat mempunyai pandangan yang berbeza dengan responden pengundi yang berusia 31 tahun hingga 40 tahun. Ini dibuktikan apabila responden pengundi yang berada dalam kategori usia 21-25 tahun 62.4 peratus respondan dan 58.3 peratus responden berusia 26-30 tahun menyatakan berlaku kejadian dakwat tidak kekal lama di tempat mereka mengundi.

Peratus Tanggapan Wujud Unsur-unsur Penipuan di Kawasan Mengundi Mengikut Kategori Umur







Berdasarkan faktor jantina terhadap pandangan yang menyatakan wujudnya unsur-unsur penipuan, kajian mendapati bahawa tidak wujud perbezaan ketara antara jantina lelaki dan perempuan apabila 63.1 peratus responden lelaki dan 54.1 peratus responden perempuan menyatakan isu dakwat tidak kekal berlaku di tempat mereka mengundi jika dibandingkan dengan isu-isu lain yang turut disenaraikan.

Peratus Tanggapan Wujud Unsur-unsur Penipuan di Kawasan Mengundi Mengikut Jantina





Mengundi Dua Kali

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)





Pembawa dan Pemegang Kad Pengenalan Berbeza

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)





Dakwat Tidak Kekal

Berlaku (%) Tidak Berlaku (%)



Tidak Dicalit Dakwat

Berlaku (%) Tidak Berlaku (%)




Bukan Warganegara Datang Mengundi

Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)

Daripada segi kaum, kajian mendapati bahawa bangsa Cina dilihat menunjukkan peratusan yang ketara mengatasi peratusan bangsa lain terhadap isu-isu wujudnya unsur-unsur penipuan sewaktu proses pilihan raya diadakan di tempat responden mengundi. Hasil kajian menunjukkan bangsa Cina (74.1 peratus) menyatakan berlaku dakwat tidak kekal lama mengatasi peratusan bangsa lain di mana bangsa India (67.2 peratus,) bangsa Malaysia (64.6 peratus,) Bumiputera Sarawak (61.1 peratus,) bangsa Melayu (57 peratus) dan bangsa Bumiputera (53.8 peratus.)


Begitu juga dengan isu-isu lain yang berlaku di tempat mengundi di mana bangsa Cina mengatasi peratusan berbanding bangsa-bangsa lain apabila kajian mencatatkan 22.4 peratus bagi isu pembawa dan pemegang kad pengenalan berbeza, 22.4 peratus bagi isu tidak dicalit dakwat dan 26.7 peratus bagi isu bukan warganegara datang mengundi.

Peratus Tanggapan Wujud Unsur-unsur Penipuan di Kawasan Mengundi Mengikut Kaum





Mengundi Dua Kali


■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)



Pembawa dan Pemegang Kad Pengenalan Berbeza

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)






Bukan Warganegara Datang Mengundi

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)



Daripada segi tahap pendidikan, kajian mendapati bahawa faktor tahap pendidikan tidak menyumbang kepada perubahan peratusan yang ketara dalam persepsi wujudnya unsur-unsur penipuan di tempat mengundi mereka. Isu dakwat tidak kekal lama turut berlaku di tempat mereka mengundi mengikut profil belia mengikut tahap pendidikan jika dibandingkan dengan faktor bangsa.


Peratus Tanggapan Wujud Unsur-unsur Penipuan di Kawasan Mengundi Mengikut Tahap Pendidikan



Mengundi Dua Kali


■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)





Tidak Dicalit Dakwat

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)




Bukan Warganegara Datang Mengundi

■ Berlaku (%) ■ Tidak Berlaku (%)


MEDIA PILIHAN SEWAKTU PRU13

Media merupakan medium menghubungkan sesuatu mesej, maklumat serta propaganda yang digariskan dalam manifesto sesebuah parti yang bertanding dalam pilihan raya. Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan menyampaikan sesuatu mesej dan maklumat yang tepat kepada responden pengundi memberi impak dalam proses membuang undi atau dalam erti kata lain berupaya mempengaruhi undian terhadap sesuatu parti politik. Sehubungan itu kajian cuba merungkaikan medium manakah yang menjadi pilihan generasi muda dalam mendapatkan maklumat yang mempunyai kredibiliti atau dipercayai sewaktu saat-saat genting kempen pilihan raya dalam kalangan pengundi.

Hasil kajian menunjukkan media baru seperti Facebook menjadi media yang paling dipercayai apabila kajian menunjukkan 91.6 peratus daripada keseluruhan responden menyatakan mereka memilih media sosial Facebook bagi mendapatkan maklumat berhubung PRU13. Walaupun kesemua medium media sosial mencatat 80 peratus ke atas namun media baru facebook sebagai media baru berupaya mengatasi media konvensional yang lain daripada segi kepercayaan terhadap media.



Seterusnya hasil kajian dianalisis berdasarkan kepercayaan terhadap media melalui akses terhadap media pilihan dan kepuasan dengan proses PRU13. Kajian mendapat bahawa secara purata kesemua pengguna media baru dan media konvensional berpuas hati dengan proses PRU13 apabila hasil kajian mencatatkan secara purata 81.9 peratus berpuas hati dengan proses PRU13 di tempat mereka mengundi. Manakala, sebanyak 18.1 peratus pengguna media baru dan konvensional.




Peratus kepuasan terhadap Proses PRU13 mengikut Media Pilihan Mendapatkan Maklumat Berhubung PRU13

Kepercayaan Terhadap Media Baru Dan Konvensional


Media sering kali dipersalahkan dalam sesetengah isu yang dikatakan memihak kepada sesetengah parti politik. Kajian ini mengupas sama ada wujudnya perbezaan kepercayaan terhadap media baru atau media konvensional atau juga media percuma atau berbayar. Konteks kepercayaan dalam kajian ini adalah media-media yang diakui oleh responden kajian yang mempunyai kredibiliti dari segi kesahihan maklumat dan ketepatan data.

Hasil kajian menunjukkan bahawa golongan muda bersikap berhati-hati dengan maklumat yang diterima melalui media pilihan mereka. Hal ini dibuktikan dengan kepercayaan terhadap media baru dan konvensional berada pada tahap di bawah 30 peratus di mana sebanyak 29.5 peratus responden kepercayaan kepada TV percuma. Sebanyak 27.4 peratus responden percaya kepada surat khabar, sebanyak 27.1 peratus responden percaya kepada Radio, sebanyak 26.9 peratus responden percaya kepada media konvensional, TV berbayar. Manakala bagi media baru, sebanyak 17.9 peratus responden percaya kepada Facebook, sebanyak 22.2 peratus percaya kepada maklumat daripada Website dan sebanyak 14 peratus percaya kepada maklumat di dalam blog.

Peratus Kepercayaan Terhadap Media Pilihan Dalam Mendapatkan Maklumat Berhubung PRU13




Peratus Indikator Faktor Mempengaruhi Undian dalam PRU13



PENERIMAAN TERHADAP CALON PERINGKAT PARLIMEN

Kajian juga ingin mengetahui sama ada calon yang diberaskan di peringkat Parliment dan Dewan Undangan Negeri (DUN) diterima baik atau tidak di hati pengundi-pengundi belia. Walaupun begitu, kajian menyedari bahawa bilangan responden bagi setiap parti adalah berbeza disebabkan oleh faktor tidak semua Parliment di kawasan mengundi responden mempunyai calon setiap parti yang bertanding.


Hasil kajian mendapati bahawa penerimaan golongan belia terhadap wakil rakyat di peringkat Parliment jika dibandingkan antara Calon BN (79 peratus) dan calon PAS (67.8 Peratus) menunjukkan tidak wujud perbezaan yang ketara di antara dua parti yang mendominasi parti-parti politik di Malaysia apabila perbezaan hanyalah 11.2 peratus sahaja.



Peratus Persetujuan terhadap Calon Parti Peringkat Parliment

Faktor Penerimaan Calon Peringkat Parlimen

Bagi dapatan kajian berhubung faktor-faktor penerimaan calon di peringkat parlimen, hasil kajian mendapati bahawa faktor ketokohan kepimpinan calon menjadi faktor paling utama terhadap penerimaan para pengundi iaitu 92.1 peratus. Diikuti dengan faktor berpendidikan tinggi yang mencatat 88.4 peratus. Faktor populariti paling tidak dipertimbangkan oleh belia-belia setempat untuk mempengaruhi undian belia jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain




Faktor Penerimaan Calon Mengikut Parti Di Peringkat Parlimen



Data dianalisis secara lebih mendalam dengan membuat select if antara calon yang diterima oleh responden di peringkat Parlmen dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan. Hasil kajian mendapati bahawa faktor calon parti yang mempunyai ketokohan kepimpinan menjadi faktor utama terhadap penerimaan mereka terhadap seseorang yang dicalonkan di peringkat Parlmen di mana Calon BN (94.5 peratus), PAS (95.4 peratus), PKR (95.7 peratus), DAP (95.5 peratus) dan (Calon Bebas 95.0 peratus). Hasil kajian membuktikan secara purata faktor penerimaan calon parti yang bertanding di peringkat Parlmen adalah di atas faktor ketokohan kepimpinan apabila mencatat 95.2 peratus berbanding faktor-faktor lain.

Faktor penerimaan kedua yang diambil kira oleh responden adalah di atas faktor pendidikan tinggi yang didapati calon BN (90.9 peratus), calon PAS (91.0 peratus), calon PKR (90.4 peratus), calon DAP (91.4 peratus) dan calon Bebas (89.6 peratus). Secara purata faktor berpendidikan tinggi yang menjadi faktor pemilihan calon di peringkat Parlmen mencatat 90.1 peratus berbanding faktor-faktor yang lain.


Ini menunjukkan antara gandingan faktor ketokohan kepimpinan dan berpendidikan tinggi perlu diberikan penekanan sewaktu sesuatu parti membuat pertimbangan dalam menamakan calon-calon di sesuatu kawasan parlmen bagi menentukan kemenangan terhadap kerusi tersebut.

Faktor Penerimaan Calon di Peringkat Parlmen Mengikut Parti yang Bertanding






 **Calon DAP**




Calon BEBAS



PENERIMAAN TERHADAP CALON PERINGKAT DUN


Di samping membuat analisa faktor pemilihan di peringkat Parlimen, kajian juga menganalisis dapatan kajian di peringkat DUN. Hasil kajian menunjukkan responden yang memihak kepada parti BN menyatakan 77.1 peratus responden menerima calon yang ditentukan oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di peringkat DUN. Sementara itu, sejumlah 68.7 peratus daripada responden menyatakan mereka menerima calon yang dinamakan oleh pucuk pimpinan parti mereka untuk bertanding di kawasan DUN. Manakala bagi calon-calon parti lain di didapati peratusan menerima calon yang dinamakan di kawasan DUN mereka berada di bawah 50 peratus.



Faktor Penerimaan Calon Peringkat DUN

Kajian mendapati bahawa di peringkat DUN juga mempunyai signifikan dengan faktor penerimaan di peringkat Parlimen apabila hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan faktor-faktor penerimaan calon di peringkat DUN faktor utama yang mempengaruhi penerimaan calon adalah faktor ketokohan kepimpinan iaitu mencatat 89.5 peratus jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain.

Malahan faktor kedua terhadap penerimaan calon adalah sama seperti faktor penerimaan calon di peringkat Parlimen iaitu faktor berpendidikan tinggi yang mencatat 85.8 peratus.



Peratus faktor Pemilihan Calon Parti di Peringkat DUN



Faktor Penerimaan Calon Peringkat DUN Mengikut Parti

Data kajian seterusnya dianalisis secara lebih mendalam dengan menggunakan kaedah select if calon-calon yang diterima mengikut parti yang bertanding di tempat mereka mengundi dengan faktor yang mempengaruhi penerimaan mereka.


Hasil dapatan kajian di peringkat DUN turut mempunyai persamaan dengan dapatan di peringkat Parlimen apabila dapatan kajian menunjukkan faktor ketokohan kepimpinan merupakan faktor utama penerimaan calon setiap parti. Ini dibuktikan dengan calon BN mencatat 93.3 peratus, calon PAS mencatat 94.1 peratus, calon PKR mencatat 93.4 peratus, calon DAP mencatat 93.5 peratus dan calon Bebas mencatat 94.6 peratus yang menyatakan faktor pemilihan calon yang mempunyai ketokohan sebagai pemimpin.

Diikuti dengan faktor berpendidikan tinggi yang diambil kira sebagai faktor pemilihan responden terhadap calon-calon di kawasan DUN mereka di mana secara purata mencatat 89.0 peratus. Faktor populariti turut di dapati menjadi pilihan paling akhir dalam menentukan pemilihan calon di kawasan peti undi mereka bagi DUN.


Peratus Faktor Penerimaan Calon di Peringkat Parliment Mengikut Parti yang Bertanding





Calon PKR




Calon DAP




Calon Bebas



PERSEPSI PENGGUNAAN PERUNTUKAN KERAJAAN DALAM MEMENANGI PRU13

Kajian ini juga mengajukan soalan kepada responden berhubung dengan persepsi responden sama ada parti-parti yang bertanding menggunakan peruntukan dan kedudukan kerajaan dalam memenangi PRU13 ekoran daripada pelbagai maklumat yang digembar-gemburkan dalam media baru dan media konvensional.


Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti 77.9 peratus responden menyatakan bahawa mereka percaya negeri-negeri di bawah penguasaan kerajaan BN menggunakan peruntukan kerajaan negeri masing-masing serta peruntukan kerajaan Pusat (67.2%) bagi memenangi PRU13. Sementara itu penggunaan peruntukan kerajaan di bawah penguasaan parti PAS adalah 40.4 peratus. Manakala bagi penggunaan di bawah kerajaan DAP dan PKR masing-masing 39.4 peratus dan 39 peratus.



Rajah 14: Penggunaan Peruntukan bagi Memenangi PRU13

KUALITI HIDUP SEMASA

Kajian turut mengenal pasti tanggapan belia Malaysia terhadap kedudukan kewangan Malaysia pada hari ini menerusi kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 52.4 peratus responden menyatakan kedudukan Ekonomi Malaysia berada pada tahap yang tidak baik, manakala selebihnya 47.6 peratus responden menyatakan Ekonomi Malaysia ditahap yang baik. Ini menunjukkan bahawa secara amnya kedudukan kewangan negara berada pada tahap yang memuaskan hati semua pihak.




Peratusan Tanggapan terhadap Kedudukan Ekonomi Malaysia Sekarang

Kajian ini juga mengenal pasti kesan kenaikan harga barang terhadap kedudukan kewangan atau perbelanjaan keluarga bagi melihat kualiti hidup belia Malaysia pada masa kini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti 92.5 peratus responden mengatakan bahawa kedudukan kewangan atau perbelanjaan keluarga mereka terjejas kesan daripada kenaikan harga barang di pasaran. Hanya 7.5 peratus sahaja yang mengatakan bahawa kenaikan harga barang tidak menjelaskan kedudukan kewangan atau perbelanjaan keluarga mereka.

Kesan Kenaikan Harga Barang Terhadap Kedudukan Kewangan/Perbelanjaan Keluarga



PENILAIAN TERHADAP DASAR KERAJAAN

Dalam kajian ini juga, terdapat beberapa soalan berhubung penilaian terhadap dasar-dasar kerajaan yang telah dilaksanakan oleh pucuk pimpinan negara.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan berhubung keyakinan responden terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat apabila hasil kajian menunjukkan bahawa responden yang yakin adalah 49.8 peratus dan tidak yakin adalah 50.2 peratus. Ini memberikan gambaran bahawa responden mengambil pendirian *skeptical* terhadap dasar-dasar kerajaan ini.

Peratus Keyakinan Terhadap GTP dan ETP Meningkat Taraf Hidup Rakyat



Yakin




Tidak Yakin

	Frekuensi	Peratus (%)
Yakin	1261	49.8
Tidak Yakin	2532	50.2


Tahap keyakinan terhadap pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dilihat tidak mendapat sokongan daripada segi keyakinan di sebabkan faktor hanya sedikit sahaja membantu membuka peluang pekerjaan. Ini dibuktikan dengan 60.8 peratus responden menyatakan bahasa dasar pembangunan kerajaan sekarang membuka sedikit sahaja peluang pekerjaan dengan penggunaan teknologi terkini dengan lambakan penggunaan tenaga pekerja asing,

Dasar Pembangunan Kerajaan dalam Membuka Peluang Pekerjaan



Kajian ini juga ingin mendapatkan maklumat berhubung penilaian tanggapan responden kajian terhadap tujuh (7) National Key Result Area (NKRA) yang disasarkan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi melihat tahap pemikiran dan pengetahuan responden terhadap usaha-usaha kerajaan dalam menangani beberapa isu semasa. NKRA telah didefinisikan sebagai bidang utama negara. Ia mewakili gabungan keutamaan jangka masa pendek untuk menangani tuntutan terdesak rakyat dan tidak kurang pentingnya isu jangka masa panjang yang memberi kesan kepada rakyat yang memerlukan perhatian yang khusus. Tujuh teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ialah usaha untuk menyediakan dan meningkatkan tahap kesejahteraan kepada rakyat. Bidang-bidang tersebut adalah berkaitan jenayah, rasuah, pendidikan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pendalaman, menambah baik pengangkutan awam dan mempertingkatkan kos sara hidup rakyat.

Hasil kajian mendapati bahawa secara majoritinya kesemua tujuh (7) NKRA ditunaikan sedikit sahaja oleh pihak kerajaan apabila memperkasa prasarana luar bandar mencatat 57.2 peratus, mengurangkan kadar jenayah 55.6 peratus, meluaskan akses pendidikan dan menambah baik perkhidmatan awam masing-masing mencatat 54.4 peratus, memerangi rasuah mencatat 52.9 peratus, meningkatkan taraf hidup 51.3 peratus dan menangani kos sara hidup mencatat 46.6 peratus jika dibandingkan ditunaikan sepenuhnya dalam selepas jangka masa tiga tahun GTP dilaksanakan (2010-2013, Jabatan Perdana Menteri).



RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, melalui hasil dapatan kajian yang dijalankan, hasil rumusan adalah seperti berikut:

Kepuasan Terhadap Proses Pengundian PRU 13

Kajian ini menunjukkan bahawa secara purata 81.7 peratus atau seramai 2068 orang daripada jumlah keseluruhan responden yang seramai 2532 orang menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan proses pengundian sewaktu PRU13 diadakan.

Putrajaya menunjukkan tahap kepuasan paling rendah iaitu mencatat 62.5 peratus jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Begitu juga dengan Pulau Pinang dan Kedah masing-masing mencatat di bawah 80 peratus iaitu masing-masing 76.7 peratus dan 78.9 peratus.

Bangsa Cina didapati tidak berpuas hati dengan proses PRU13 diadakan apabila mencatat 69.0 peratus dan lain-lain bangsa 61.5 peratus. Manakala bagi bangsa Malaysia, bangsa Melayu, bangsa India, Bumiputera Sabah dan Sarawak menunjukkan peratusan berpuas hati dengan proses PRU13 apabila mencatat 80 peratus dan ke atas.

Memandangkan dapatan kajian menunjukkan bangsa Cina tidak berpuas hati dengan proses PRU 13, maka analisis lebih mendalam dilakukan khas ke atas bangsa Cina daripada segi tahap pendidikan. Hasil analisis mendapati bahawa tahap pendidikan belia bangsa Cina pada peringkat STPM/Diploma serta Ijazah dan ke atas menunjukkan bahawa tahap kepuasan hati mereka terhadap PRU13 adalah 73.3 peratus bagi tahap pendidikan STPM/Diploma. Manakala bagi yang berpendidikan pada tahap Ijazah dan ke atas adalah 62.2 peratus. Sementara itu bagi yang berpendidikan pada tahap PMR ke bawah dan SPM menunjukkan 100 peratus berpuas hati dengan proses PRU13. Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang tinggi mempengaruhi persepsi belia bangsa Cina terhadap proses pengundian sewaktu PRU13.

Sejumlah 59.2 peratus daripada keseluruhan responden kajian menyatakan bahawa setelah mereka mengundi dakwat yang dicalit di jari mereka tidak kekal lama iaitu mudah hilang kesannya. Manakala isu-isu lain seperti mengundi dua kali (91.3 peratus), pembawa kad dan pemegang kad pengenalan adalah berbeza (92.3 peratus), tidak dicalitkan dakwat ketika mengundi (94.5%) dan bukan warga negara datang mengundi (86.5 peratus) menyatakan tidak berlaku.

Hasil kajian menunjukkan isu dakwat tidak kekal lama didakwa berlaku di setiap negeri tanpa merujuk kepada sama ada negeri tersebut dikuasai pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan majoriti. Secara purata setiap negeri mencatat peratusan melebihi 50 peratus berlakunya dakwat tidak kekal lama. Negeri Melaka sahaja peratusan kurang daripada 50 peratus iaitu mencatat 48.5 peratus. Malahan di Wilayah Persekutuan Labuan pula, 100 peratus responden kajian menyatakan bahawa isu dakwat tidak kekal lama berlaku di tempat mereka mengundi.

Bagi isu lain seperti mengundi dua kali, pembawa dan pemegang kad pengenalan berbeza dan bukan warganegara datang mengundi turut didakwa berlaku di kawasan mengundi mereka namun dalam peratusan yang rendah sahaja iaitu secara purata kurang daripada 20 peratus.

Kajian turut mendapati bahawa tiga buah Wilayah Persekutuan (WP) iaitu Putrajaya, Labuan dan Kuala Lumpur mencatat peratusan agak ketara bagi isu-isu yang hangat dibicarakan iaitu mengundi dua kali di mana WP Putrajaya dan

Labuan masing-masing 50 peratus, isu tidak dicalit dakwat masing-masing WP Labuan (50%), WP Putrajaya (37.5%) dan WPKL (10%) dan isu bukan warganegara datang mengundi mencatat 50 peratus bagi WP Labuan dan WP Putrajaya manakala WPKL mencatat 20 peratus.

Responden yang berusia 21 tahun hingga 30 tahun dilihat mempunyai pandangan yang berbeza dengan responden pengundi yang berusia 31 tahun hingga 40 tahun. Ini dibuktikan apabila responden pengundi yang berada dalam kategori usia 21-25 tahun 62.4 peratus dan kategori usia 26-30 tahun 58.3 peratus menyatakan berlaku kejadian dakwat tidak kekal lama di tempat mereka mengundi.

Dari segi pandangan mengikut jantina terhadap persepsi yang menyatakan wujudnya unsur-unsur penipuan, hasil kajian mendapati bahawa tidak wujud perbezaan ketara antara jantina lelaki dan perempuan apabila 63.1 peratus responden lelaki dan 54.1 peratus responden perempuan menyatakan isu dakwat tidak kekal berlaku di tempat mereka mengundi jika dibandingkan dengan isu-isu lain yang turut disenaraikan.

Kajian mendapati bahawa kaum Cina dilihat menunjukkan peratusan yang ketara mengatasi peratusan kaum-kaum lain terhadap isu-isu wujudnya unsur-unsur penipuan sewaktu proses pilihan raya diadakan di tempat responden mengundi. Hasil kajian menunjukkan kaum Cina 74.1 peratus menyatakan berlaku dakwat tidak kekal lama mengatasi peratusan kaum-kaum lain di mana kaum India 67.2 peratus, kaum Malaysia 64.6 peratus, Bumiputera Sarawak 61.1 peratus, kaum Melayu 57 peratus dan kaum Bumiputera 53.8 peratus.

Begitu juga dengan isu-isu lain yang berlaku di tempat mengundi di mana kaum Cina mengatasi peratusan apabila kajian mencatatkan 22.4 peratus mengatasi kaum lain bagi isu pembawa dan pemegang kad pengenalan berbeza, 22.4 peratus bagi isu tidak dicalit dakwat dan 26.7 peratus bagi isu bukan warganegara datang mengundi.

Pemilihan dan Kepercayaan Terhadap Media

Hasil kajian menunjukkan media baru berupa Facebook menjadi media yang paling dipercayai apabila kajian menunjukkan 91.6 peratus daripada keseluruhan responden menyatakan mereka memilih media sosial Facebook bagi mendapatkan maklumat berhubung PRU13. Walaupun kesemua medium media sosial mencatat 80 peratus ke atas namun media baru Facebook sebagai media baru berupaya mengatasi media konvensional yang lain daripada segi kepercayaan terhadap media.

Secara purata kesemua pengguna media baru dan media konvensional berpuas hati dengan proses PRU13 apabila hasil kajian mencatatkan secara purata 81.9 peratus berpuas hati dengan proses PRU13 di tempat mengundi mereka. Manakala secara purata responden kajian yang tidak berpuas hati dengan keputusan PRU13 yang akses kepada media baru dan konvensional yang dipercayai mencatat 18.1 peratus sahaja.

Golongan muda dilihat mengambil sikap berhati-hati dengan maklumat yang diterima melalui media pilihan mereka. Hal ini dibuktikan dengan kepercayaan terhadap media baru dan konvensional berada pada tahap di bawah 30 peratus di mana kepercayaan kepada TV percuma 29.5 peratus, Surat khabar 27.4 peratus, Radio 27.1 peratus, TV berbayar 26.9 peratus bagi media konvensional. Manakala bagi media baru seperti Facebook 17.9 peratus, Website 22.2 peratus dan Blog 14 peratus.

Lima (5) indikator inisiatif daripada Bajet 2013 yang diperluaskan dalam Bajet 2014 didapati tidak menjadi faktor yang mempengaruhi undian mereka sewaktu membuang undi dalam PRU13. Ini ditunjukkan oleh peratusan yang menyatakan mempengaruhi undian mereka berada pada paras 35 peratus di mana Bantuan Rakyat 1Malaysia 34.4 peratus,

Perumahan 1Malaysia 34.2 peratus, Baucar Buku 1Malaysia 32.8 peratus, Rebet telefon bimbit 31 peratus dan Dana Sukarelawan 1Malaysia mencatat 24.5 peratus.

Penerimaan dan Faktor Penerimaan Calon-calon Parti Bertanding

Penerimaan golongan belia terhadap wakil rakyat di peringkat Parlimen jika dibandingkan antara Calon BN (79 peratus) dan calon PAS (67.8 peratus) menunjukkan tidak wujud perbezaan yang ketara di antara dua (2) parti yang mendominasi parti-parti politik di Malaysia apabila perbezaan hanyalah 11.2 peratus sahaja.

Hasil kajian mendapati bahawa faktor ketokohan kepimpinan menjadi faktor paling utama dalam pemilihan calon dalam memberikan undian iaitu 92.1 peratus. Diikuti dengan faktor berpendidikan tinggi yang mencatat 88.4 peratus. Faktor populariti paling tidak mendapat persetujuan belia-belia setempat jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain.

Hasil kajian mendapati bahawa faktor mempunyai ketokohan kepimpinan menjadi faktor utama dalam pertimbangan mereka memilih calon di peringkat Parlimen sama ada bagi Calon BN (94.5 peratus), PAS (95.4 peratus), PKR (95.7 peratus), DAP (95.5 peratus) atau Calon Bebas (95.0 peratus). Hasil kajian membuktikan secara purata faktor pemilihan calon peringkat Parlimen atas faktor ketokohan kepimpinan mencatat 95.2 peratus paling tinggi berbanding faktor-faktor lain.

Faktor pemilihan kedua yang diambil kira oleh responden sewaktu membuat pemilihan calon adalah atas faktor pendidikan tinggi yang didapati kedua tertinggi bagi faktor pemilihan oleh responden bagi setiap parti yang bertanding. Hasil kajian menunjukkan faktor berpendidikan tinggi bagi calon BN (90.9%), calon PAS (91.0%), calon PKR (90.4%), calon DAP (91.4%) dan calon Bebas (89.6%). Secara purata faktor berpendidikan tinggi yang menjadi faktor pemilihan calon di peringkat Parlimen mencatat 90.1 peratus berbanding faktor-faktor yang lain.

Hasil kajian menunjukkan responden yang memihak kepada parti BN menyatakan 77.1 peratus bersetuju dengan calon yang ditentukan oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di peringkat DUN di mana melibatkan kawasan peti undi dalam kajian ini. Sementara itu, sejumlah 68.7 peratus daripada responden menyatakan mereka bersetuju dengan calon yang dinamakan oleh pucuk pimpinan parti mereka untuk bertanding di kawasan DUN yang diwakili oleh responden kajian ini. Manakala bagi calon-calon parti lain di didapati peratusan bersetuju dengan calon yang dinamakan di kawasan DUN mereka berada di bawah 50 peratus.

Hasil kajian menunjukkan responden yang memihak kepada parti BN menyatakan 77.1 peratus bersetuju dengan calon yang ditentukan oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di peringkat DUN di mana melibatkan kawasan peti undi dalam kajian ini. Sementara itu, sejumlah 68.7 peratus daripada responden menyatakan mereka bersetuju dengan calon yang dinamakan oleh pucuk pimpinan parti mereka untuk bertanding di kawasan DUN yang diwakili oleh responden kajian ini. Manakala bagi calon-calon parti lain di didapati peratusan bersetuju dengan calon yang dinamakan di kawasan DUN mereka berada di bawah 50 peratus.

Hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan faktor-faktor penerimaan calon di peringkat DUN faktor utama yang mempengaruhi penerimaan adalah faktor ketokohan kepimpinan iaitu mencatat 89.5 peratus jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain. Malahan faktor kedua dalam membuat pemilihan calon adalah sama seperti pemilihan calon di peringkat Parlimen iaitu faktor berpendidikan tinggi yang mencatat 85.8 peratus.

Hasil dapatan kajian di peringkat DUN mempunyai persamaan dengan dapatan di peringkat Parlimen apabila dapatan kajian menunjukkan faktor ketokohan kepimpinan merupakan faktor utama penerimaan calon setiap parti. Ini dibuktikan dengan calon BN mencatat 93.3 peratus, calon PAS mencatat 94.1 peratus, calon PKR mencatat 93.4 peratus, calon DAP mencatat 93.5 peratus dan calon Bebas mencatat 94.6 peratus yang menyatakan faktor penerimaan calon yang mempunyai ketokohan sebagai pemimpin.

Diikuti dengan faktor berpendidikan tinggi yang diambil kira sebagai faktor penerimaan responden terhadap calon-calon di kawasan DUN mereka di mana secara purata mencatat 89.0 peratus. Faktor populariti turut di dapati menjadi pilihan paling akhir dalam menentukan pemilihan calon di kawasan peti undi mereka bagi DUN.

Persepsi Penggunaan Peruntukan Kerajaan Dikuasai Bagi Memenangi PRU13

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti 77.9 peratus responden menyatakan bahawa negeri-negeri di bawah penguasaan kerajaan BN menggunakan peruntukan kerajaan negeri masing-masing dan peruntukan kerajaan Pusat (67.2 peratus) bagi memenangi PRU13. Sementara itu penggunaan peruntukan kerajaan di bawah penguasaan parti PAS adalah 40.4 peratus. Manakala bagi penggunaan di bawah kerajaan DAP dan PKR adalah masing-masing 39.4 peratus dan 39 peratus.

Kualiti Hidup

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kedudukan Baik (47.6 peratus) atau pada kedudukan Tidak Baik (52.4 peratus).

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti 92.5 peratus responden mengatakan bahawa kedudukan kewangan/perbelanjaan keluarga mereka terjejas kesan daripada kenaikan harga barang di pasaran. Hanya 7.5 peratus sahaja yang mengatakan bahawa kenaikan harga barang tidak menjelaskan kedudukan kewangan/perbelanjaan keluarga mereka.

Hasil kajian menunjukkan bahawa responden yang yakin terhadap dasar GTP dan ETP adalah 49.8 peratus dan tidak yakin adalah 50.2 peratus terhadap dasar pelaksanaan Program GTP dan ETP ini. Ini memberikan gambaran bahawa responden mengambil pendirian skeptical terhadap dasar-dasar kerajaan ini.

Tahap keyakinan terhadap pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dilihat tidak mendapat sokongan daripada segi keyakinan di sebabkan faktor hanya sedikit sahaja membantu membuka peluang pekerjaan. Ini dibuktikan dengan 60.8 peratus responden menyatakan bahawa dasar pembangunan kerajaan sekarang membuka sedikit sahaja peluang pekerjaan dengan penggunaan teknologi terkini dengan lambakan penggunaan tenaga pekerja asing.

Hasil kajian mendapati bahawa secara majoritinya kesemua tujuh (7) NKRA ditunaikan sedikit sahaja oleh pihak kerajaan apabila memperkasa prasarana luar bandarmencatat 57.2 peratus, mengurangkan kadar jenayah 55.6 peratus, meluaskan akses pendidikan dan menambah baik perkhidmatan awam masing-masing mencatat 54.4 peratus, memerangi rasuah mencatat 52.9 peratus, meningkatkan taraf hidup 51.3 peratus dan menangani kos sara hidup mencatat 46.6 peratus jika dibandingkan ditunaikan sepenuhnya dalam selepas jangka masa tiga tahun GTP dilaksanakan (2010-2013). (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan latar belakang profil responden mengikut bangsa kajian mendapati bahawa bangsa Cina dilihat menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap proses pengundian yang amat ketara berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Dapatkan ini dianalisis dengan lebih mendalam sama ada latar belakang pendidikan yang mempengaruhi rasa ketidakpuasan ini. Hasil analisis lebih mendalam mendapati bahawa, latar belakang yang lebih tinggi mempengaruhi iaitu STPM/Diploma hingga Ijazah dan ke atas menunjukkan kadar berpuas hati yang lebih rendah berbanding responden berbangsa cina yang berpendidikan SPM dan ke bawah. Ini menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan seseorang responden memberikan pengaruh yang kuat ke atas keputusan yang diberikan sewaktu mengundi. Sehubungan itu, pendekatan yang lebih serius dan mendalam perlu ditekankan kepada golongan belia yang berlatar pendidikan yang tinggi bagi memastikan mereka mendapat maklumat yang tepat dan betul berhubung isu politik di tanah air.

Kaedah pengendalian sewaktu proses pilihan raya juga perlu ditambah baik terutama dengan pengendalian menggunakan dakwat sebagai langkah mengelakkan perulangan pengundian berlaku. Kontroversi daripada segi penggunaan dakwat tidak kekal lama dilihat sebagai salah satu faktor kredibiliti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dipertikaikan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan pilihan raya umum secara transparent. Hal ini ditegaskan berdasarkan hasil kajian yang mendapati bahawa terdapat persepsi yang tinggi terhadap penggunaan dakwat tidak kekal lama sedangkan dimaklumkan oleh SPR adalah dakwat yang kekal lama.

Begitu juga dengan penggunaan media baru dalam menyampaikan maklumat berhubung isu-isu sewaktu PRU. Media sosial facebook didapati menjadi media pilihan utama dalam mengakses apa sahaja maklumat berhubung PRU. Walaupun begitu, media konvensional televisyen percuma tidak dinafikan peranan dalam menyampaikan maklumat dan dilihat masih relevan kepada golongan muda. Justeru, bagi mendapatkan kepercayaan golongan belia dalam PRU yang akan datang maka, kedua-dua medium penyampaian ini diperkasakan malah diperluaskan penggunaan dengan memastikan tapisan kesahihan dan kebenaran berhubung sesuatu maklumat berhubung PRU.

Faktor pelaksanaan polisi-polisi baru seperti BR1M, PR1MA, Baucar Buku 1Malaysia dilihat bukan kaedah popular yang berupaya mempengaruhi undian golongan belia. Hal ini adalah berdasarkan hasil kajian yang mendapati bahawa pendekatan tersebut adalah dikenal pasti sebagai bukan faktor yang mempengaruhi golongan belia memberikan undi mereka. Malahan mereka berpendirian bahawa pendekatan tersebut bukanlah merupakan satu tindakan wajar memandangkan itu adalah merupakan tanggungjawab dan peranan kerajaan dalam menjaga kebijakan rakyatnya terutama golongan belia.

Daripada segi penentuan dalam pemilihan calon, kajian ini telah mengenal pasti faktor kemenangan dalam PRU13 dan perlu diambil perhatian dan tindakan yang tegas oleh pihak yang berkenaan iaitu berhubung dengan kriteria yang dimiliki oleh seseorang calon iaitu mesti mempunyai ciri ketokohan sebagai pemimpin dan berpendidikan tinggi. Kedua-dua kriteria kepimpinan ini akan diterima dengan memberikan undi mereka oleh golongan belia sama ada di peringkat DUN mahupun Parlimen.

SYOR KAJIAN

Menggunakan kekuatan hasil kajian ini bagi strategi dan persediaan menghadapi PRU14 terutama dari segi:-

Membuat pemantauan ke atas medium media sosial apabila mencatat 80 peratus ke atas penggunaan facebook sebagai media baru berupaya mengatasi media konvensional yang lain daripada segi kepercayaan terhadap media.

Isu-isu sewaktu pengendalian pilihan raya ini tidak mendapat sokongan 100 peratus tidak berlaku memberikan gambaran bahawa unsur-unsur penipuan berkemungkinan besar boleh berlaku dan sebagai pemerhati sewaktu pilihan raya sedang berlangsung di kawasan peti undi masing-masing menjadi asas bagi setiap pandangan pengundi-pengundi belia ini.

Penerimaan calon berdasarkan ketokohan kepimpinan yang secara majoriti diambil kira oleh generasi belia dalam membuang undi.

Memberikan penekanan dan perhatian terhadap setiap pandangan belia setiap bangsa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi.

Kesimpulannya, hasil kajian ini memberikan pelbagai ruang penambahbaikan dalam perancangan dan pelaksanaan PRU yang seterusnya bagi memastikan bahawa golongan belia Malaysia mempunyai kepercayaan dalam sistem negara demokrasi berparlimen dahulu, kini dan selamanya.

